

Ms.6/Rabu/26/09/18

Berita Harian

→ ISU

## Akauntan Negara sahkan baki selaras kenyataan Guan Eng

**Putrajaya:** Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) mengesahkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan diselenggara pihaknya pada 30 April 2018 dan 31 Disember 2017, selaras dengan kenyataan Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Akauntan Negara, Datuk Saat Esa, berkata turut mengesahkan baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah RM11.86 bilion manakala baki pada 30 April 2018 adalah RM450 juta.

"Kami ingin sahkan Kerajaan Persekutuan hanya boleh menggunakan Akaun Hasil Disatukan bagi menampung perbelanjaan mengurus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Saat berkata, Kerajaan Persekutuan perlu membelanjakan lebih daripada RM8 bilion sebulan bagi emolumen dan faedah per-saraan.

Sebelum ini, Guan Eng mendedahkan Akaun Hasil Disatukan merosot kepada RM450 juta pada 30 April 2018 berbanding RM11.86 bilion pada 31 Disember 2017 berikutan perbelanjaan berlebihan untuk tempoh antara Januari hingga April lalu.

Katanya, kemerosotan baki akaun itu jelas adalah 'perbelanjaan pilihan raya umum' yang digunakan untuk membantu Barisan Nasional (BN) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.